

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



بَدَانْ تَمَيِّهٌ هَرَتْ مجَلِيسٌ اِحْكَامِ اِسْلَامٍ
BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



PENGERTIAN LOGO



بَدَانْ تَنْمِيَةُ هَرَتْ مَجَلِيسِ احْكَامِ إِسْلَامٍ
BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



PENGENALAN

BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM

SEJARAH PENUBUHAN

"Dibidang ugama, Kerajaan akan terus mengungkayahkan dari semasa kesemasa usaha-usaha bagi maksud menjunjung kesucian ugama Islam dan mengimbangi perkembangan dan kemajuan dibidang kebendaan. Selain dari berusaha untuk memperkembangkan pengajaran ugama Islam, Kerajaan juga sedang menimbaangkan pemikiran ke arah memanfaatkan harta-benda yang terkumpul dalam BaitulMal untuk faedah yang berkebijakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ugama Islam"

Telah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap sempena ulang tahun keputeraan Baginda yang ke 42 tahun di Istana Nurul Iman.



25 September 1990

Semasa keberangkatan Baginda ke Persidangan Majlis Ugama Islam pada 25 September 1990 di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan telah ditekankan lagi peri mustahaknya memperkembangkan harta BaitulMal untuk kepentingan orang-orang Islam lebih-lebih lagi bagi jaminan masa depan yang sukar diramal.

26 Ogos 1993

Pembentukan Jawatankuasa Khas Penubuhan Unit Pelaburan Majlis Ugama Islam.

Jawatankuasa ini berperanan menyediakan keperluan-keperluan ke arah penubuhan unit berkenaan seperti menyediakan struktur gaji dan kakitangan, had kebebasan bergerak bagi membolehkannya beroperasi sebagai "business operation" dan lain-lain keperluan bagi unit berkenaan.

05 Julai 1994

Cadangan untuk menujuhkan unit pelaburan berkenaan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dinamakan sebagai BADAN TANMIAH HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM.

Badan ini berperanan mengurus dan mengendalikan Hal Ehwal Harta Majlis Ugama Islam daripada Kumpulan Wang Pentadbiran Am dengan melaksanakan rancangan-rancangan pelaburan yang berseusaian.

Dengan penubuhannya, Jawatankuasa Mengkaji Perkembangan dan Pelaburan Harta-Harta Majlis Ugama Islam telah dibubarkan dan diganti dengan Jawatankuasa Penasihat Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam

04 September 1995

Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam mula beroperasi

Pejabat Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam terletak di Unit 22, Blok B, Bangunan Perdagangan BaitulMal Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam.

PENUBUHAN AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bagi penubuhan Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam pada 23 Ogos 2001.

Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam adalah atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Pengurusnya iaitu Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam, beberapa Ahli Majlis Ugama Islam serta beberapa ahli lain yang mewakili Kementerian-Kementerian dan Pengarah Badan Tanmiah selaku Ahli dan Setiausaha.

Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah bagi tempoh 3 tahun.

MISI

Mengembangkan, memajukan serta meningkatkan harta melalui perancangan pelaburan yang patuh syarak dan kurang berisiko.

VISI

Mengembangkan serta memajukan harta Majlis Ugama Islam melalui rancangan pembangunan yang teratur dan berkesan serta pelaburan yang patuh syarak.

STRUKTUR KEDUDUKAN



MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

LEMBAGA PENGARAH BADAN TANMIAH



**BADAN TANMIAH
HARTA MAJLIS UGAMA ISLAM**

AHLI LEMBAGA PENGARAH SEKARANG



Yang Mulia
Pengiran Dato Seri Paduka
Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar
Pengerusi



Allahyarham Yang DiMuliakan
Pehin Orang Kaya Setia Raja
Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd Ali
bin Haji Mohd Daud
Timbalan Pengurus
(kembali kerahmattullah pada 24.10.2018)



Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama
Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim
bin Haji Besar
Ahli



Yang DiMuliakan
Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja
Dato Paduka Seri Setia Awang Haji
Suhaili bin Haji Mohiddin
Ahli



Yang Mulia
Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin
Haji Bakri
Ahli



Yang Mulia
Ir. Awg Haji Amer Hishamuddin bin
Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato
Seri Setia Awg Haji Zakaria
Ahli



Yang Mulia
Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji
Junaidi
Ahli



Yang Mulia
Awang Haji Sofian bin Mohd Jani, CFA
Ahli



Yang Mulia
Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim
Ahli



Yang Mulia
Haji Mohammad Ja'afar bin Haji Johari
Ahli dan Setiausaha

MANTAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH



**Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka
Seri Setia Ustaz Haji Yahya
bin Haji Ibrahim**



**Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka
Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin
Pengarah Dato Paduka Haji Othman**



**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji
Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud**


MANTAN AHLI LEMBAGA PENGARAH



Yang Berhormat
Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar



Yang Mulia
Dato Seri Paduka AR Awang Haji Marzuke
bin Haji Mohsin



Allahyarham Yang Amat Mulia
Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin
Pengiran Othman
(kembali kerahmattullah pada 09.03.2006)



Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Mohd Said bin Pehin Orang
Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim



Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Rashid bin Haji Abdul Rahman



Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Junaidi bin Pehin Orang Kaya
Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim

MANTAN AHLI LEMBAGA PENGARAH



Yang Mulia
Pengiran Haji Mohammad Airudin bin
Pengiran Haji Mohammad



Yang Mulia
Dato Paduka Awang Eddie bin
Dato Paduka Haji Sunny



Yang Mulia
Awang Yusof bin Haji Abd Rahman



Yang Mulia
Haji Jaidi bin Haji Abdul Sani




Yang Mulia
Awang Haji Ghani bin Haji Abdul Hamid



Yang Mulia
Awang Haji Abdullah Soefri bin
Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka
Haji Abidin

MANTAN PENGARAH




Yang Mulia
Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman
Tempoh Perkhidmatan : 2001 - 2006



Yang Mulia
**Dato Paduka Haji Awang Junaidi bin
Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim**
Tempoh Perkhidmatan : 2006 - 2012



Allahyarham Yang DiMuliakan
**Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa
Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Abdul Karim**
Tempoh Perkhidmatan : 1995 - 2001
Kembali kerahmatullah pada 07.07.2019




WARGA KERJA



Badan Tanmiah mula beroperasi dengan hanya 8 orang warga kerja termasuk pegawai sokongan yang ditempatkan di BT dan kini bilangan warga kerja telah meningkat kepada 24 orang.

Warga Kerja BT adalah terdiri dari Rakyat Kebawah dengan kadar 100% bumiputra.

STRUKTUR ORGANISASI BADAN TANMIAH BAGI TAHUN 2019



PERANAN SEKSYEN

SEKSYEN PENTADBIRAN, PENGURUSAN KAKITANGAN DAN PEROLEHAN

SEKSYEN KEWANGAN

Memantau / mengawal perbelanjaan mengikut polisi dan prosedur yang ditetapkan dengan berpandukan kepada peruntukan yang diluluskan serta menerima pendapatan sebagai tambahan sumber dana kewangan bagi menampung perbelanjaan yang dikeluarkan

SEKSYEN PELABURAN, PERNIAGAAN DAN PROJEK

Merancang dan meneroka peluang pelaburan alternatif serta memajukan sebahagian harta Majlis Ugama Islam. Seksyen ini juga bertanggungjawab merancang dan mengurus projek – projek pembinaan hartanah

SEKSYEN PEMELIHARAAN DAN PENGURUSAN ESTET

Pengurusan pemeliharaan estet. & menguruskan hal yang berkaitan dengan penyewaan bangunan dan tanah dengan menggunakan pelbagai strategi pemasaran

Mentadbir dan mengurus operasi pejabat ke arah pengurusan yang dinamik serta prihatin dengan hal – ehwal kebajikan kakitangan menerusi perlaksanaan amalan-amalan terbaik serta pengurusan dalam pembelian dan penyimpanan stok.



PERKEMBANGAN & PENCAPAIAN

1994 - 2019

PELABURAN

FUNGSI BT

PELABURAN HARTANAH

Semenjak tertubuhnya Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, kebanyakkan Pelaburan adalah berbentuk harta tanah. Pelaburan harta tanah ini merupakan penyumbang tertinggi iaitu sekitar 90% daripada jumlah keseluruhan pendapatan tahunan Badan Tanmiah. Kadar Pulangan Pelaburan (ROI) bagi Pelaburan Harta tanah pada kebiasaannya ialah dalam lingkungan 6-10% setahun.

Semenjak tahun 2016, Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam berusaha mencari peluang-peluang pelaburan harta tanah yang berpotensi yang lebih stabil iaitu dengan strategi mendapatkan bakal penyewa terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pelaburan harta tanah. Strategi ini boleh mengurangkan sedikit sebanyak resiko tidak berpenghuni / penyewa setelah bangunan siap.



PERKEMBANGAN ASET

Pada 4 September 1995, Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam mula beroperasi dengan mengambil-alih pengurusan aset-aset daripada Jawatankuasa Mengkaji Perkembangan dan Pelaburan Harta-Harta Majlis Ugama Islam, iaitu BT Sungai Hanching, BT Kota Batu Satu (di mana terletaknya Pejabat Badan Tanmiah), BT Selayun dan BT Keriam. Bermula dari tarikh tersebut, Badan Tanmiah merancang pembinaan.

1992

1994

1. BT Sungai Hanching



2. BT Kota Batu Satu



3. BT Selayun



4. BT Keriam



4 Aset yang di ambil alih dari Pengurusan MUIB



6. BT Kota Batu DUA



8. BT Limau Manis



9. BT Melayu Asli



5. BT Tungku



7. BT Stesen Minyak



10. BT Anggerek Desa SATU

PERKEMBANGAN ASET



11. BT Anggerek Desa DUA



14. BT Rimba SATU



16. BT Pengkalan Gadong



17. BT Rimba DUA



12. BT Mulaut



15. BT Katok



13. BT Subok



18. BT Rimba TIGA



19. BT Anggerek Desa Dua
(Tambahan)

PERKEMBANGAN ASET

PORTFOLIO HARTANAH

Rajah menunjukkan pecahan jenis aset yang dibina oleh BT. Terdapat 11 jenis aset kesemuanya iaitu bangunan jenis Flat, Rumah Kabin, Rumah Kedai, Rumah Kembar Banglo, Rumah Kembar (2 tingkat), Rumah Sebuah (2 tingkat), Rumah Sebuah (3 tingkat), Rumah Teres Banglo, Rumah Teres (2 tingkat), Sekolah dan Stesen Minyak.

Jenis aset ini dipecahkan lagi kepada 5 kategori iaitu setiap 5 tahun, mulai tahun penubuhan 1994 sehingga 1999, 2000 sehingga 2004, 2005 sehingga 2009, 2010 sehingga 2014 dan 2015 sehingga 2019.

Peningkatan sebanyak 41 unit didapati bagi tahun 2000 sehingga tahun 2004 iaitu sebanyak 44%.


Hanya 1 unit tambahan bagi tahun 2005 sehingga tahun 2009 iaitu sebanyak 0.75%.

Bagi tahun 2010 sehingga tahun 2014, terdapat peningkatan sebanyak 15 unit iaitu sekitar 11%.

Bagi tahun 2015 sehingga tahun 2019 pula, terdapat peningkatan sebanyak 14 unit iaitu sekitar 9%.

Jenis Aset	Tahun				
	1999	2004	2009	2014	2019
Flat	8	32	32	32	32
Rumah Kabin	-	-	-	-	2
Rumah Kedai	48	64	64	64	64
Rumah Kembar Banglo	8	8	8	14	14
Rumah Kembar (2 tingkat)	20	20	20	20	20
Rumah Sebuah (2 tingkat)	1	1	2	2	3
Rumah Sebuah (3 tingkat)	-	-	-	-	1
Rumah Teres Banglo	8	8	8	16	16
Rumah Teres (2 tingkat)	-	-	-	-	10
Sekolah	-	-	-	1	1
Stesen Minyak	-	1	1	1	1
Jumlah Keseluruhan Unit	<u>93</u>	<u>134</u>	<u>135</u>	<u>150</u>	<u>164</u>

PORTFOLIO HARTANAH



KEWANGAN

Pelaburan kewangan Badan Tanmiah pada masa ini hanya di dalam Simpanan Tetap (Term / Fixed Deposit) BIBD. Pelaburan ini boleh menyumbangkan dalam sekitar 3-9% daripada jumlah keseluruhan pendapatan tahunan Badan Tanmiah.

Semenjak penghujung tahun 2018, Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam berusaha mencari peluang-peluang pelaburan kewangan lain yang berpotensi yang dapat memberi pulangan pendapatan yang menarik berbanding simpanan tunai di bank. Pelaburan kewangan yang dimaksudkan ialah Pelaburan Sukuk Al-Ijarah Kerajaan Brunei.

Badan Tanmiah telahpun mendapat kebenaran bagi menyertai Program Sukuk Al-Ijarah Kerajaan Brunei daripada AMBD dan mendapat kelulusan ALPBT sebagai *Primary Market Participant*.



P E L A B U R A N



A L T E R N A T I F

Di awal penubuhan Badan Tanmiah, pelaburan hanya tertumpu dalam bidang hartanah.

Semenjak tahun 2016, Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam berusaha mencari peluang-peluang pelaburan alternatif yang berpotensi yang dapat memberi pulangan pendapatan yang menarik dan tidak bergantung sepenuhnya dari hasil penyewaan bangunan.

Strategi pelaburan alternatif ini telah mendapat kelulusan dari ALPBT. Walaupun setakat ini belum ada pelaburan yang berjaya dibuat, namun demikian, ianya telah dapat memperkenalkan BT di dunia luar terutama Kementerian atau Syarikat yang hendak Usahasama (*Joint Venture*) dan sebagainya.

STESEN MINYAK DAN PERNIAGAAN BADAN TANMIAH



Stesen minyak ini merupakan anak syarikat Badan Tanmiah yang telah ditubuhkan pada 12 Februari 2001 dan memulakan operasinya pada 23 Ogos 2001. Ia adalah sebuah syarikat yang diurus sendiri oleh Badan Tanmiah. Stesen ini terletak di Kampong Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei & Muara, Negara Brunei Darussalam.

Pada 15 November 2001, Stesen minyak ini telah dirasmikan oleh Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah.

Antara objektif penubuhan stesen minyak ini adalah bagi menjana pendapatan disamping menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Aktiviti utamanya ialah menjual minyak petrol disamping perniagaan kedai runcit.





A large, semi-transparent white diamond shape serves as a background for the title text. The text is centered within this diamond.

PEMELIHARAAN & PENGURUSAN ESTET

PEMELIHARAAN ESTET

Objektif:

- Memanjangkan tempoh jangka hayat bangunan
- Memastikan bangunan dan rumah selamat dan selesa untuk didiami
- Memastikan keadaan luaran bangunan terjaga dan terpelihara dengan baik
- Memastikan Imej Badan Tanmiah sentiasa terjaga

Jenis-jenis Pemeliharaan


- Pemeliharaan unit kosong (*general repair*)
- Pemeliharaan unit berpenghuni (sebahagian)
- Pemeliharaan berancang (secara sebutharga / tawaran)
- Pemeliharaan kawasan kompaun
- Penggantian dan pembelian perabot



Perumahan – Perumahan Badan Tanmiah sentiasa dijaga dalam usaha bagi memastikan keselamatan, keselesaan, jangka hayat dan imej Badan Tanmiah.




STATIK PERBELANJAAN PEMELIHARAAN BANGUNAN 2008-2018



BANGUNAN BT / RUMAH BT YANG MELEBIHI 10 TAHUN


Lokasi	Tahun Siap Pembinaan	Usia Bangunan
BT Sungai Hanching	1992	27 Tahun
BT Kota Batu Satu		
BT Selayun	1994	25 Tahun
BT Keriam		
BT Tungku	1999	20 Tahun
BT Kota Batu Dua	2000	19 Tahun
BT Stesen Minyak		
BT Limau Manis		
BT Melayu Asli	2007	12 Tahun

CONTOH RUANG DALAM



Berberapa perumahan Badan Tanmiah adalah disewakan beserta dengan kemudahan dan perabot - perabot

PEMBERSIHAN



KEMUDAHAN PERKHIDMATAN

Dalam usaha bagi memperbaiki pengurusan aset Badan Tanmiah, berberapa perkhidmatan disediakan oleh Badan Tanmiah seperti Perkhidmatan Pembersih dan Pengawal Keselamatan di beberapa kawasan untuk menjaga aset dan keselesaan penyewa.

PENGAWAL KESELAMATAN




LAMAN SESAWANG

Laman sesawang Badan Tanmiah telah dilancarkan dengan rasmi pada 12 Julai 2017 iaitu semasa majlis sempena dengan penubuhan BT ke 22 oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Yang DiPertua Majlis Ugama Islam pada ketika itu.

Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri Jabatan Perdana Menteri yang mana pada ketika itu adalah Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah, Ahli – Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah, Pegawai dan Kakitangan Majlis Ugama Islam dan Badan Tanmiah.

Tujuan diadakan laman sesawang tersebut adalah bagi memperkenalkan BT kepada Orang Awam dan memudahkan orang awam mengetahui mengenai Badan Tanmiah selain daripada sebagai medium mempromosikan produk – produk Badan Tanmiah.



HTTPS://BADANTANMIAH.COM

CABARAN & PERANCANGAN

CABARAN



Dalam menyusuri usia 25 Tahun Badan Tanmiah tidak lari daripada beberapa cabaran-cabaran yang perlu ditempuh. Cabaran-cabaran tersebut dihadapi dan ditangani dengan cara profesional mengikut kesesuaian.

PERANCANGAN

MENCARI PELUANG
UNTUK MEMBUAT
PELABURAN ALTERNATIF
BERUPA USAHASAMA
DAN MEMBUKA
PERUSAHAAN

MEMBUAT STRATEGI
UNTUK MENINGKATKAN
KADAR PERATUS
PENYEWAAN

MENERUSKAN KERJA-
KERJA PEMELIHARAAN
ASET AMA DAN
PEMBINAAN ASET BARU

BERKERJASAMA
DENGAN AGENSI
KERAJAAN DALAM
URUSAN HARTANAH

PENGURUSAN
KEWANGAN YANG
EFISYEN

MENGUKUHKAN
PRESTASI

MENGIMBAU KENANGAN 25 TAHUN




Saya Awang Tuah bin Haji Chuchu, salah seorang kakitangan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) yang mula berkhidmat pada 06 Mei 1996 sebagai Pelayan Pejabat Bergaji Hari (nama jawatan pelayan pejabat kini telah diubah menjadi Pembantu Pejabat) yang mana keramaian Pegawai dan Kakitangan pada masa itu hanyalah 7-8 orang sahaja.

Sepanjang perkhidmatan saya di BT ini (lebih 23 tahun telah berlalu) banyak cabaran, dugaan dan rintangan yang dilalui untuk mematangkan diri sekaligus menimba ilmu dan menguji kemampuan yang ada pada diri saya. Bermula daripada Pengarah pertama hingga Pengarah sekarang (yang ke-empat)saya menjawat jawatan pertama sebagai Pelayan Pejabat (1996 – 2003), dinaikan pangkat menjadi Kerani Am (2003 – 2011) dan dengan adanya tunjuk ajar daripada pegawai dan kakitangan BT saya sekali lagi dinaikkan jawatan yang terkini sebagai Penolong Pengurus bermula di Seksyen Pentadbiran (2011-2015) kemudian diberikan peluang mempelajari bidang baru dan dipindah ke Seksyen Pembangunan Projek dan Pemeliharaan Estet (2015 – 2019) sebelum dipindah kembali ke Seksyen Pengurusan , Pengurusan Kakitangan & perolehan (nama baru bagi Seksyen Pentadbiran)

Alhamdulillah hasil usaha dan tunjuk ajaryang diberikan saya dapat meluaskan pandangan minda dan akan terus berkhidmat untuk memajukan lagi BT.

In sya Allah

AWANG TUAH BIN HAJI CHUCHU
PENOLONG PENGURUS
23 TAHUN PERKHIDMATAN
1996 – 2019



MENGIMBAU KENANGAN

Alhamdulillah besyukur ke hadrat Allah SAW dengan berkat dan limpah kurnianya jua kita dapat sama-sama meraikan ulang tahun penubuhan Badan Tanmiah ke 25. Dalam tempoh tersebut, Badan Tanmiah telah mengharungi berbagai cabaran dan perubahan selaras dengan peredaran masa. Saya berharap agar Badan Tanmiah akan terus mengamalkan sikap perpaduan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Saya yakin dan percaya Badan Tanmiah akan lebih cemerlang dalam menyusun strategi-strateginya sejarah dengan *cabaran revolusi industry 4.0* yang memerlukan semua pihak bertindak pantas seiring dengan kepesatan pembangunan.

Sekali lagi saya ucapan Tahniah kepada Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam dalam menempuh usianya yangke 25 tahun.

AWANG MAHDINI BIN HAJI MERALI

PENGURUS KANAN
19 TAHUN PERKHIDMATAN
2000 – 2019

Alhamdulilah dan Tahniah saya ucapan kepada warga Badan Tanmiah yang telah bersama – sama dalam menjayakan dan membangun Badan Tanmiah selama 25 tahun penubuhannya. Setelah berkhidmat selama 20 di Badan Tanmiah, saya menyaksikan perubahan yang ketara dari masa ke semasa yang mana perubahan tersebut semestinya beserta dengan cabaran yang pelbagai, walaubagaimanapun cabaran tersebut telah dapat diharungi dan diselesaikan dengan baik bersama – sama pegawai dan kakitangan lain dan semestinya dengan bimbingan yang baik dari pihak atasan. Diharapkan pemangkin – pemangkin baru Badan Tanmiah akan terus bersemangat dalam melangkah jauh lagi kehadapan untuk pembangunan Badan Tanmiah yang lebih jauh dan pesat dimasa akan datang agar ianya sentiasa relevan dan berguna dan berjasa kepada Negara, Bangsa dan Agama.

MOHAMMAD IRWAN BIN HAJI ADI
PENGURUS KANAN
20 TAHUN PERKHIDMATAN
1999 – 2019

MENGIMBAU KENANGAN

“.. Sebagai salah seorang kakitangan perinitis yang sudah bertugas lebih 23 tahun di BT, saya berasa bersyukur telah dapat sama-sama menyaksikan dan mengecapi perubahan-perubahan dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh BT selama 25 tahun dari sejak penubuhannya hingga sekarang.

Saya merasa beruntung dapat berkhidmat di bawah 4 orang pengarah dimana dengan pengantian 4 pucuk pemimpin ini, saya dapat menyaksikan perubahan dan peningkatan sinergy kerja serta luas bidang tanggungjawab seiring dengan peningkatan perkembangan asset dan pelaburan BT.

Perubahan dari segi Struktur dan Organisasi serta kekuatan tenaga kerja merupakan yang paling ketara dapat dilihat. Dari hanya seramai 1 orang pegawai dan 4 kakitangan, kini sudah meningkat kepada 25 pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di BT. Disamping itu juga penaik tarafan pejabat dan ruang kerja juga telah dibuat bagi menampung dan menyesuaikan keperluan struktur dan organisasi dan memperbaiki aliran kerja di pejabat ini.

Sehaluan dengan ini, sudah setentunya tugas dan peranan setiap ahlinya akan lebih mencabar untuk memenuhi kehendak visi dan misi Badan Tanmiah kearah produk kerja yang lebih bermutu dan efesien. Saya rasa ini hanya akan dapat tercapai apabila setiap pegawai dan kakitangan menjalankan tugas dan peranan masing-masing dengan iklas dan dedikasi serta rasa tanggungjawab..”



DK NORZAINAH BINTI PG HJ ABDULLAH

*SETIAUSAHA SULIT PENGARAH
23 TAHUN PERKHIDMATAN
1996 – 2019*

HAJAH RESIDAH BINTI HAJI ABD RAHMAN

*PENGURUS KEWANGAN
23 TAHUN PERKHIDMATAN
1996 – 2019*

Saya mula berkhidmat di Badan Tanmiah pada 01 Oktober 1996 sebagai Kerani Perakaunan Tingkat III. Sepanjang tempoh perkhidmatan, saya pernah menjawat jawatan Kerani Perakaunan Kanan, Penolong Pengurus Perakaunan (Kewangan) dan bermula 01 November 2018 saya dinaikan jawatan menjadi Pengurus Kewangan.

Berkhidmat di Badan Tanmiah telah memberi ruang dan peluang untuk saya menambah ilmu yang berguna dan menerimai tunjuk ajar terutama dalam bidang pengurusan kewangan dan dalam masa yang sama mengawal selia kaktungan di bawah jagaan saya.

Akhirnya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pengarah, semua pegawai dan kakitangan Badan Tanmiah atas peluang dan kepercayaan dalam melaksanakan tugas.

Semoga Badan Tanmiah akan terus berkembang dan maju jaya di masa-massa akan datang.



Aktifiti Kemasyarakatan



Aktibiti Keagamaan



Kursus & Latihan



Team Building



Aktibiti Tahunan